

26 Oktober 2010

Amerika Syarikat Menyokong Malaysia dalam Perkongsian Trans-Pasifik

Oleh Andrew Malandrino

Penulis Staf



Dari kiri, Wakil Perdagangan A.S. Ron Kirk, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Razak dan Setiausaha Perbendaharaan A.S. Timothy Geithner bersalam-salaman di Washington pada bulan April.

Washington - Amerika Syarikat menyokong kemasukan Malaysia sebagai rakan dagang ke-16 terbesar Amerika, dalam rundingan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) dan akan terus memperkukuhkan kerjasama ekonomi di rantau Asia-Pasifik, kata wakil perdagangan A.S. Ron Kirk.

“Penyertaan A.S. dalam rundingan TPP berdasarkan pada matlamat yang kita kongsi bersama rakan-rakan perundingan TPP kita iaitu untuk memperluaskan kumpulan ini kepada negara-negara di seluruh rantau Asia-Pasifik dan memperoleh perjanjian perdagangan yang berkualiti tinggi,” tulis Kirk dalam surat bertarikh 5 Oktober kepada Kongres. “Penyertaan Malaysia dalam rundingan TPP akan memberikan sumbangan bermakna kepada matlamat-matlamat

ini dan kepada pembangunan perjanjian perdagangan serantau abad ke-21 yang berkualiti tinggi yang kita cari.”

TPP diwujudkan pada tahun 2006 oleh Singapura, New Zealand dan Chile untuk menggalakkan kerjasama ekonomi serantau. Para pegawai dari lapan negara anggota TPP - Australia, Brunei, Chile, New Zealand, Peru, Singapura, Vietnam dan Amerika Syarikat - meletakkan sasaran untuk menyemak semula dan menjadikan TPP sebagai pertubuhan yang mencerminkan standard perdagangan abad ke-21, termasuk menjamin hak-hak pekerja dan melindungi alam sekitar. Malaysia menyertai pusingan rundingan TPP yang berlangsung pada bulan Oktober di Brunei. Amerika Syarikat ketika ini mempunyai perjanjian perdagangan bebas dengan Australia, Chile, Peru dan Singapura.

Pusingan ketiga rundingan TPP diadakan di Brunei pada tahun 2010. Negara-negara anggota sebelum ini bertemu di Melbourne, Australia, dan San Francisco. Perundingan untuk perjanjian akhir TPP dijangka akan berlanjutan sehingga tahun 2011.

Di Brunei, 24 kumpulan rundingan, termasuk Amerika Syarikat, membuat kemajuan ke arah penyelesaian isu-isu yang berkaitan dengan barangan industri, pertanian dan tekstil. Perundingan menumpukan pada galakan daya saing dan menjadikan lebih mudah untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana di rantau ini untuk memperoleh manfaat daripada Perkongsian Trans-Pasifik.

Amerika Syarikat memandang TPP sebagai upaya ketara untuk melibatkan negara itu dengan Asia dan meningkatkan kerjasama ekonomi di rantau ini. “Ia merupakan langkah penting dalam memperluaskan perdagangan dengan salah satu rantau yang berkembang pantas di dunia,” kata Naib Presiden Dewan Perdagangan A.S. untuk Asia Tami Overby ketika perundingan di Brunei.

Pentadbiran Presiden Obama tetap komited untuk terlibat di Asia. Pada tahun 2009, Presiden Obama menjadi presiden pertama menghadiri mesyuarat dengan kesemua 10 pemimpin dari Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan pada tahun 2010, beliau mempengerusikan mesyuarat pertama para pemimpin A.S.-ASEAN yang berlangsung di Amerika Syarikat.

Pada tahun 2011, Amerika Syarikat akan menjadi tuan rumah kepada forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC). “Melalui APEC dan inisiatif seperti Perkongsian Trans-Pasifik, kita mahukan hubungan perdagangan yang bermanfaat bagi semua negara kita,” kata Presiden Obama ketika mesyuarat para pemimpin A.S.-ASEAN pada bulan September.